

**Perlaksanaan Hukum Hudud Bukan Bermusim - Jamil Khir
Bernama
27 September , 2011**

JITRA, 27 Sept (Bernama) -- Perlaksanaan hukum Hudud bukanlah bermusim, sebaliknya ia perlu dilaksanakan secara berterusan, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Jamil Khir Baharom.

Beliau berkata sehubungan itu mana-mana pihak terutama parti politik tidak seharusnya menggunakan isu perlaksanaan hukum hudud untuk meraih sokongan pada musim pilihan raya sahaja.

"Apabila berbicara soal hudud, kita kena faham skop... bukan hanya cakap-cakap retorik, tapi kena ada perlaksanaan.

"Dalam perundangan negara, kita sentiasa ingin lihat Mahkamah Syariah berkembang seiring dengan mahkamah lain dan perjalanan ini memerlukan penyatuan umat," katanya kepada pemberita ketika ditemui pada Majlis Konvokesyen ke-25 Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, di sini Selasa.

Beliau berkata semua umat Islam perlu mengetepikan pegangan sempit dalam konteks parti, puak atau kaum demi kepentingan sesuatu pihak.

Katanya umat Islam harus bersatu untuk melihat transformasi agama di negara ini serta menerima semua hukum dan cari hikmah yang baik di sebaliknya..

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=616000>